

# BAHASA MELAYU

## PANDUAN JAWAPAN KERTAS SATU

### Bahagian A

#### Faktor remaja terlibat

pengaruh daripada ibu bapa/keluarga atau orang dewasa pengaruh daripada masyarakat sekeliling dan rakan-rakan pengaruh daripada media massa mudah mendapatkan sumber/bekalan tidak dikawal oleh ibu bapa Langkah mengatasi ibu bapa perlu memantau/mengawasi anak-anak melaporkan kejadian seumpama itu kepada pihak berkuasa mengambil tindakan yang lebih tegas menempatkan remaja yang terlibat di pusat pemulihan

### Bahagian B

#### No 1. Format surat kiriman rasmi

**Isi** - maklumkan tempat serta kursus yang ditawarkan keputusan SPM, penglibatan dalam kokurikulum dan jawatan dalam atau luar kelas.

**Masalah keluarga** – pendapatan ibu bapa yang sedikit/tidak tetap, keluarga yang ramai, keluarga yang sakit dan sebagainya Memberi jaminan untuk belajar bersungguh-sungguh dan berkhidmat dengan kerajaan tempatan

#### No.2. Format syarahan

**Isi** - ibu bapa menjadi contoh kepada anak-anak menyayangi serta mengambil berat tentang masalah dan kehendak anak-anak. Ibu bapa perlu mengetahui masalah anak-anak, menjadi pendengar yang setia dan cuba menyelesaikan masalah mereka. Memantau kegiatan seharian anak-anak agar mereka tidak menyimpang daripada kehidupan yang baik. Membahagikan masa antara anak-anak dengan tugas harian supaya anak-anak tidak rasa terpinggir. Tidak menyerahkan tugas mendidik kepada pihak sekolah semata-mata atau tugas mengasuh kepada pengasuh.

#### No.3 Pendapat

##### Isi faktor-faktor:

Masyarakat sibuk dengan urusan sendiri/ seharian masyarakat lebih pentingkan kerjaya/pangkat/wang/menganggap aktiviti gotong-royong membuang masa dan tenaga/ masyarakat kini hidup lebih senang/lebih banyak wang dan merasakan mereka tidak layak melakukan kerja-kerja berat terutama yang ada pembantu di rumah.

Lebih suka bersantai/keluar makan angin/membeli-belah daripada bergaul dengan masyarakat sekeliling/menganggap kerja-kerja berkaitan membersihkan merupakan tugas pekerja majlis bandaran.

##### Isi langkah

Menubuhkan ahli jawatankuasa berdaftar dan mewajibkan setiap penduduk kawasan tersebut menjadi ahli dan menyertai setiap program.

Mengadakan kempen gotong-royong yang berterusan dan sehingga ke peringkat kebangsaan.

Memberi imbuhan kepada kawasan yang penduduknya paling aktif dan bekerjasama. Contoh imbuhan seperti taman yang lengkap dengan peralatan permainan.

Mendenda semua penduduk di kawasan perumahan/petempatan yang paling kotor.

**No.4 Pendapat**Isi manfaat

Meningkatkan kegiatan ekonomi di negara seperti industri hiliran/ringan pembuatan/kraf tangan/makanan ringan

Menarik pelabur asing melabur di negara kita. Melalui pengaliran wang asing yang masuk dapat meningkatkan pendapatan negara.

Menyediakan peluang pekerjaan dalam sektor pembuatan dan pelancungan

Memperkenalkan kebudayaan - makanan, pakaian,tarian,adat istiadat, dan sebagainya ke mata dunia.

Peranan masyarakat/kerajaan memulihara/memelihara kawasan berpotensi seperti pantai/tasik/tempat bersejarah menyediakan perkhidmatan yang baik, lengkap, dan terkini seperti tempat penginapan,pengangkutan, dan komunikasi.

Menyediakan kawasan khas untuk persembahan kebudayaan.

Menyediakan pakar untuk mengkaji perkembangan budaya untuk diperkenalkan asal-usulnya sehingga ke seluruh dunia.

**No.5 Kesusasteraan – format cerpen**

Isi berkaitan sikap manusia yang walau bagaimana tidak pandai/tidak tahu, tetapi sekiranya diajar dan sentiasa diasuh akan tahu/pandai juga.

*\*tips – jangan lupa sertakan dua atau tiga peribahasa*

## Panduan Jawapan Kertas Dua

### Pendahuluan/Pengenalan [2 markah]

Petikan membincangkan langkah/kaedah/cara-cara/tindakan/ untuk mengelakkan kejadian tanah runtuh [1m] di kawasan pembangunan di lereng bukit. [1m]

### Isi Tersurat [4 hingga 12 markah]

Peraturan baru dicadangkan serta dikuatkuasakan berhubung pembangunan di kawasan lereng bukit.

Peraturan yang sedia ada diperketatkan.

Pelbagai pandangan dikemukakan dalam media, forum, seminar, komentar tentang pembangunan di kawasan lereng bukit.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar mahu kerajaan Pusat mengambil alih penguatkuasaan undang-undang pembangunan di lereng bukit.

Semua projek pembangunan tanah di lereng bukit yang berkeluasan 25 hektar diwajibkan menjalani kajian Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA)

EIA mensyaratkan kajian dijalankan bagi pembangunan hutan bukit seluas 50 hektar atau lebih.

Pembangunan di kawasan berisiko tinggi tidak sepatutnya dibenarkan sejak awal lagi. Kerajaan memastikan pembangunan di kawasan bukit dihentikan.

Kerja-kerja menebang di kawasan bukit tidak digalakkan lagi.

Sebagian permukaan muka bumi, terutama di kawasan bukit dikekalkan dengan kehijauan semulajadi.

### Isi Tersirat [4 hingga 12 markah]

Banyak nyawa terkorban akibat tanah runtuh.

Masyarakat akan kehilangan harta benda.

Negara akan mengalami kerugian/menanggung kos kerugian untuk pemulihan.

Kos penyelenggaraan terutama di kawasan bukit bertambah.

Mangsa tanah runtuh akan fobia.

Kesimpulan/Penutup [2 markah]

Kesimpulannya, kerajaan perlulah mengawal pembangunan di kawasan bukit agar bencana akibat pembangunan dapat dikawal.

**Soalan 2(a): Petikan Umum**

(i) Berita/cerita/hal berkenaan kejadian tanah runtuh akan reda. [2 markah]

(ii) Faktor-faktor:

Ada pemaju cuba mengelak daripada terlibat dengan kajian EIA, dengan memecah projek masing-masing kepada lot yang lebih kecil (1m)

Pemaju sedaya upaya mencari helah supaya dapat mengelak daripada syarat yang ditetapkan.(1m)

Taburan hujan di Malaysia adalah tinggi, memberi kesan kepada bentuk muka bumi.(1m) di kawasan bukit air yang mengalir memberi kesan kepada struktur tanah.(1m)

Kawasan pembangunan di lereng bukit dibina tanpa mengambil kira faktor alam.(1m) [mak. 3 markah]

(iii) Cara-cara:

Kerajaan pusat perlu campurtangan dalam hal-hal pembangunan terutama di kawasan bukit bagi mengelakkan penyelewengan.(1m)

Menyediakan kawasan pembangunan berkonsepkan bangunan dalam taman untuk mengekalkan kehijauan semula jadi.(1m)

Kerajaan perlu memantau pemaju-pemaju yang bertanggungjawab membangun kan satu-satu kawasan.(1m)

Menarik balik lesen pemaju untuk selama-lamanya sekiranya berlaku runtuhan/kerusakan akibat kelalaian pemaju.(1m)

Mengadakan pembangunan di kawasan terpencil supaya pembangunan dijalankan sama rata.(1m)

Membentuk usahasama antara pemaju dalam satu-satu projek agar ada semangat persaingan untuk meningkatkan mutu kerja.(1m) [mak. 4 markah]

**Solan 2(b): Petikan Cerpen**

(i) sebab:

- Deliah sudah biasa dengan semak-samun di kawasan itu.(1m)

- beberapa peristiwa pengebomam sebelum ini menyebabkan Deliah tidak takut/bimbang.(1m)

- Deliah lebih utamakan Rinda(1m) [mak.3 markah]

(ii) Cadangan

Membiayai persekolah mereka/menyediakan tenaga kerja pengajar agar kanak-kanak ini tidak ketinggalan dalam pelajaran.(1m)

Menjadikan mangsa yang kehilangan ibu bapa sebagai anak angkat agar mereka masih dapat menikmati kasih-sayang keluarga.(1m)

Membekalkan bantuan perubatan/doktor agar penyakit tidak merebak.(1m)

Menyediakan pakar kaunseling untuk memberi motivasi supaya mereka dapat teruskan kehidupan seperti biasa.(1m)

Membekalkan kemudahan asas seperti tempat tinggal, makanan, dan pakaian agar mereka berasa lebih selamat/selesa.(1m) [mak.3 markah]

**Soalan3(c): Petikan Prosa Klasik**

(i) maksud: Hang Jebat (1m) tersilap pandang/salah orang (1m) [mak. 2 markah]

(ii) sekiranya saya Hang Tuah:

Saya akan berbincang dengan Hang Jebat dan menjelaskan perkara yang sebenarnya berlaku agar dia tidak salah faham lagi.(1m)

Saya akan memujuk Hang Jebat agar berunding dengan sultan supaya sultan ringankan hukuman terhadapnya.(1m)

Saya akan memujuk sultan agar pertimbangkan kesalahan Hang Jebat kerana keadaan ini berlaku akibat salah faham.(1m)

Saya akan memberi jalan kepada Hang Jebat agar berundur/lari untuk mengelakkan dia daripada dibunuh.(1m) [mak. 3 markah]

(iii) Pewatakan dalam petikan:

Berani. Berani berhadapan dengan Hang Tuah yang ingin membunuhnya. (1m)

Pembersih. Membersihkan diri sebelum berjumpa tetamu/orang lain (1m)

Pewatakan keseluruhan cerpen:

Baran/pemanas. Mengamuk/ membunuh apabila mengetahui Hang Tuan dijatuhkan hukuman bunuh oleh raja.(1m)

Penyayang. Menyayangi Hang Tuah seperti adik-beradiknya sendiri sehingga sanggup membalas dendam terhadap raja (1m) [mak. 6 markah]

**Soalan 2(d) petikan Puisi**

(i) Maksud:

- sekiranya telinga/pendengaran dijaga

- idak mudah dipengaruhi berita yang tidak benar/palsu/kabar angin.(2m)

(ii) Sebab:

Hati yang menguasai diri/perlakuan, sekiranya hati kita busuk perlakuan kita juga akan menjadi tidak baik.(1m)

Mengelakkan daripada berasa dengki terhadap orang lain.(1m)

Mengelakkan diri kita tergelincir daripada landasan sebenar/berbuat dosa seperti berdendam dan menfitnah orang lain.(1m)

Supaya kita mensyukuri apa yang dikurniakan oleh tuhan/Allah.(1m) [mak. 3 markah]

(iii) Pengajaran:

Kita mestilah memelihara tangan kita daripada mengambil harta orang lain kerana perbuatan itu dianggap mencuri dan berdosa.(1m)

Kita mestilah memelihara lidah kita daripada mengumpat/menfitnah orang lain kerana keadaan itu akan menimbulkan salah faham.(1m)

Kita tidak boleh berbohong/menipu kerana orang tidak akan mempercayai kita lagi.(1m)

Kita mestilah mengawal kemarahan kita agar setiap keputusan yang diambil lebih rasional(1m) [mak 3 markah]

**Soalan 3 (a)**

bakar - sesuatu/barang-barang yang akan dinyalakan dengan api. Contoh: kayu itu rentung kerana saya bakar petang semalam.

dibakar – kena bakar/nyalakan. Contoh: Ikan itu dibakar oleh emak.

membakar – perbuatan menyalakan/memasang/menghanguskan sesuatu dengan api.

Contoh: Seng membakar sampah di belakang rumahnya.

terbakar – sedang atau sudah bernyala kerana dibakar. Contoh: Rumah besar itu habis terbakar kerana belaku litar pintas.

pembakaran – perbuatan /perihal membakar. Contoh: Aktiviti pembakaran berhampiran kawasan hutan amat dilarang untuk mengelakkan hutan daripada terbakar.

kebakaran – sesuatu yang sedang terbakar. Contoh: Satu kebakaran dahsyat yang melibatkan sederet rumah di Taman Permata telah berlaku petang semalam.

**Soalan 3 (b)**

Mak Kalsum, iaitu ibu Hamdan telah bertanya kepada Hamdan sebab-sebab dia pulang lewat. Hamdan seorang yang dikenali dengan sikap rajinnya, merupakan murid tingkatan tiga yang menuntut di Sekolah menengah Seri Mahkota menjelaskan kepada ibunya bahawa dia mengikuti kelas tambahan di sekolah. Mak Kalsum mengingatkan Hamdan supaya memaklumkan lebih awal kepadanya sekiranya Hamdan ada kelas tambahan untuk mengelakkan Mak Kalsum daripada merasa bimbang.

(isi 4 markah + bahasa 2 markah = 6 markah) [mak. 6 markah]

**Soalan 3 (d)**

i. mengambil - mengambil

mencat - mengecat

ii. khusus - kursus

fasion - fesyen

iii. mengubah - menggubah

tertegun - terpegun

**Soalan 3 (c)**

i. bila - apabila

pihak polis mengejar - dikejar oleh pihak polis

ii. terdiri - terseram

diresmikan - dirasmikan

iii. kedua - kedua-dua

berkorban - terkorban

**Soalan 3 (e)**

- Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna.

- Malang tidak berbau

- Beringat sebelum kena, berjimat sebelum habis. [mak.6 markah]

**Soalan 4.**

2 penggunaan teknik plot iaitu: (pilih dua teknik plot sahaja)

**Terminal Tiga**

Teknik kejutan, contoh: peristiwa Ruzaini lari dari rumah kerana mengikut seorang pendakwah. Ini adalah kerana watak Ruzaini yang baik dan lembut serta mendakwa dia tidak mungkin terpengaruh dengan pendakwah itu.

Teknik saspens, contoh: apabila Rimpa akan berjumpa ayahnya yang sekian lama menghilangkan diri.

Teknik imbas kembali, contoh: semasa berada dalam kapal terbang, Rimpa teringatkan Ramaon yang sering bertengkar dengannya.

**Perlumbaan Kedua**

Teknik saspens, contoh: semua penonton suspen melihat aksi Tuk Kura yang melantunkan badannya dari batu ke batu semasa perlumbaan tersebut.

Teknik dialog, contoh: perbualan antara Tuk Kura dengan anak buahnya berkenaan latihan untuk berlumba dengan Sang Arnab.

Teknik pemerian, contoh: pengarang menggambarkan keadaan tempat berlumba yang berbatu dan di lereng yang berbukit.

**Di Hadapan Pulau**

Teknik kejutan, contoh: Rosiah berubah sikap daripada seorang yang sopan kepada seorang yang sanggup menggadai maruah semata-mata untuk hidup senang.

Teknik saspens, contoh: Aziz bercita-cita untuk ke sebuah pulau kecil menyebabkan pembaca tertanya-tanya sama ada hasratnya itu tercapai atau tidak.

Teknik imbas kembali, contoh: Tuk Marzuki terkenangkan peristiwa sewaktu dia balik ke Melaka, adiknya Mustaffa berpindah dari kampung.

**Bukit Kepong**

Teknik saspens, contoh: berlaku pertempuran antara pihak polis dengan komunis di Bukit Kepong, menyebabkan pembaca tertanya-tanya sama ada pasukan polis akan menang atau tumpas.

Teknik imbas kembali, contoh: Sarjan Jamil terkenangkan anak dan isterinya sebelum pertempuran berlaku yang akhirnya menyebabkan dirinya terkorban.

Teknik pemerian, contoh: menggambarkan latar belakang Othman yang berasal dari Kedah dan bekerja sebagai penoreh sebelum menyertai polis.

**Konserto Terakhir**

Teknik kejutan, contoh: Hilmi meninggal dunia sebelum sempat mengetahui dia merupakan anak Datuk Johari

Teknik saspens, contoh: pembaca tertanya-tanya apakah yang akan berlaku terhadap Hilmi apabila dia dimasukkan ke hospital.

Teknik imbas kembali, contoh: Datuk Johari teringatkan peristiwa dia berkahwin dengan emak Hilmi tetapi meninggalkannya selepas sehari berkahwin.

**Seteguh Karang**

Teknik kejutan, contoh: Anita tiba-tiba melarikan diri kerana berkonflik dengan Kak Maysarah.

Teknik suspen, contoh: Kak Maysarah dimasukkan ke hospital kerana cuba membunuh diri.

Teknik monolog dalaman, contoh: Awanis merungut dalam hatinya kerana Kak Maysarah selalu bermurung.

**Julia**

Teknik kejutan, contoh: Jun datang ke tanah perkuburan Islam dengan memakai baju melayu.

Teknik saspens, contoh: pembaca tertanya-tanya akan kemampuan Julia mengendalikan syarikat yang banyak masalah milik arwah bapanya.

Teknik imbas kembali, contoh: Julia teringat akan dirinya yang pernah hidup secara liar satu ketika dahulu.

**Putera Gunung Tahan**

Teknik imbas kembali, contoh: perempuan tua teringatkan kembali peristiwa dia melahirkan anak 30 tahun dahulu

Teknik saspens, contoh: pembaca tertanya-tanya apa akan berlaku kepada penduduk puncak Gunung Tahan apabila dua buah kapal terbang Inggeris muncul secara tiba-tiba.

Teknik dialog, contoh: perbualan antara Putera Bongsu dengan perempuan tua agar berhati-hati dengan orang Inggeris.

**Soalan 4 (b)**

Perbandingan watak utama

**Bukit Kepong dengan Konserto Terakhir**

Gigih – dalam novel Bukit Kepong, Othman gigih mempertahankan Bukit Kepong daripada ancaman komunis manakala dalam novel Konserto Terakhir, Hilmi gigih menjalani kehidupan di Kuala Lumpur dan berhadapan dengan Datin Salmah.

Sabar - Othman sabar menjalani latihan polis di Kuala Lumpur manakala Hilmi sabar menghadiri latihan muzik dengan Pak Bakar.

Penyayang - Othman menyayangi isterinya Timah walaupun isterinya telah gila manakala Hilmi menyayangi isterinya Azizah walaupun Azizah telah meninggalkannya.  
Bertanggungjawab - Othman bertanggungjawab melaksanakan tugasnya sebagai polis, manakala Hilmi bertanggungjawab melaksanakan tugasnya sebagai tukang kebun.

### **Terminal Tiga dengan Seteguh Karang**

Gigih - dalam novel Terminal Tiga, Rimpa gigih belajar di Kuala Lumpur untuk mencapai cita-citanya meskipun jauh daripada keluarga dan kehilangan kasih-sayang bapa manakala dalam novel Seteguh Karang, Awanis gigih belajar di ITM, Terengganu walaupun ibu bapanya telah meninggal dunia.

Tabah - Rimpa tabah mencari bapanya yang telah lama menghilangkan diri, manakala Awanis tabah menghadapi kemelut dengan sikap Kak Maysarah dan Anita yang melarikan diri.

Berani – Rimpa berani menjalani kehidupan sendiri di Kuala Lumpur, manakala Awanis berani hidup berdikari di Terengganu.

Bertanggungjawab - Rimpa bertanggungjawab menjaga keluarganya yang ditinggalkan oleh bapanya, manakala Awanis bertanggungjawab menjaga Kak Maysarah dan Anita setelah kematian ibu bapanya.

### **Perlumbaan Kedua dengan Julia**

Matang – dalam novel Perlumbaan Kedua, Tok Kura menunjukkan sikap matangnya yang dapat merancang perlumbaan dengan Sang Arnab., manakala dalam novel Julia, Julia menunjukkan kematangannya memimpin syarikat milik bapanya yang menghadapi pelbagai masalah.

Semangat juang – Tok Kura berjuang untuk mengalahkan Sang Arnab, manakala Julia berjuang mematahkan komplot untuk menjatuhkannya di syarikat milik bapanya.

Berani – Tok Kura berani berhadapan dengan Sang Arnab, manakala Julia berani menghadapi Encik Baharom pekerja bapanya yang tidak jujur.

Tabah - Tok Kura tabah melatih rakan-rakan yang lain, manakala Julia tabah menghadapi kehidupan barunya yang lebih beriman.

### **Di Hadapan Pulau dengan Putera Gunung Tahan**

Berani - Aziz dalam novel Di Hadapan Pulau berani pergi ke pulau untuk melihat apa yang ada di pulau tersebut, manakala Putera Bongsu dalam novel Putera Gunung Tahan berani berhadapan dengan orang Inggeris yang cuba menawan puncak Gunung Tahan.

Berhormati orang tua - Aziz sangat menghormati Tuk Marzuki yang dianggap seperti bapanya manakala, Putera Bongsu sangat menghormati perempuan tua iaitu ibunya.

Penyayang - Aziz menyayangi Afidah dan menjaganya dengan baik manakala, putera bongsu menyayangi perempuan tua dan tidak mahu dia diancam oleh Inggeris.

Gigih - Aziz gigih mencari rezeki dalam keadaan peperangan, manakala Putera Bongsu gigih mempertahankan puncak Gunung Tahan daripada ditakluk oleh Tuan Robert dan Tuan William.